

SERLAH BAKAT LAKONAN

3 naskhah pendek
dengan jalan cerita berbeza
tetapi membawa satu maksud



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmetro.com.my

Lebih 100 belia menghadiri pementasan 'Mini Show' anjuran Penganjur Teater Sejagat (PENTAS) Universiti Putra Malaysia (UPM) di Auditorium Kejuruteraan UPM, baru-baru ini.

Pementasan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM ini menampilkan tiga naskhah pendek iaitu Anagapesis: The Broken, Pisau dan Alaa Mak! yang mempunyai jalan cerita berbeza, tetapi membawa

satu maksud.


Pengarah projek PENTAS Akmal Asyraf Mohd Aziyan, 21, berkata, pementasan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penuntut UPM dan luar terutama dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Kami mengadakan tiga kali pementasan selama dua hari dengan bayaran tiket RM5 saja.

"Bayaran tiket yang berpatutan menarik lebih ramai penuntut UPM dan orang luar untuk menyaksikan pementasan ini.

"Kami mahu membantu menonjolkan bakat penuntut khususnya dalam bidang seni persembahan teater.

"Sekali gus mendedahkan kru PENTAS selok-belok pengurusan pementasan teater seperti teknik



LAKONAN mantap ahli kelab PENTAS.

pencahayaan, pemilihan busana dan tatarias.

"Selain itu, kru produksi yang berpengalaman dalam bidang pementasan teater turut berkongsi ilmu mengenai pembuatan peralatan dan rekaan set selain merangsang idea pembikinan teater," katanya.

Katanya, tiga pengarah dan penulis skrip berpadu tenaga menghasilkan karya bermutu tinggi ini untuk tontonan orang ramai.

"Kami mengangkat

tema yang sama iaitu 'absolut' yang wujud dalam jiwa manusia dari segi perhubungan dan persahabatan.

"Semua pengarah teater PENTAS ini adalah penuntut UPM yang memiliki pengalaman dalam pementasan dan penganjuran teater.

"Bagi naskhah teater bertajuk Anagapesis: The Broken arahan saya sendiri. Teater Pisau arahan Zulaiikha Nurputri manakala Alaa Mak! diarahkan Ayda

Hussin.

"Melihat hasil kejayaan teater ini, pihak produksi kami merancang menganjurkan Festival Teater Interkolej (FESTIK) pada masa akan datang.

"Program FESTIK akan dijadikan aktiviti tahunan kelab untuk mencari bakat baharu dalam lakonan teater dan memeriahkan kesenian serta kebudayaan di UPM.

"Diharap orang ramai akan terus menyokong kami dalam segala aktiviti yang dianjurkan PENTAS," katanya.

Penonton, Adam Adnan, 22, berkata, dia sangat teruja dapat menyaksikan pementasan ini kerana menampilkan tiga karya berbeza.

"Setiap karya mempunyai kekuatan tersendiri dan saya berasakan karya ini sangat menepati kehendak penonton.

"Malah dengan harga tiket yang sangat berpatutan amat berbaloi untuk penuntut universiti seperti kami menyaksikan teater seni ini.

"Tambahan pula, lakonan pelakon teater yang hebat dan terdiri daripada kalangan rakan kami menjadikan kami berasa bangga dengan bakat mereka.

"Walaupun masih di peringkat amat, jika diberi tunjuk ajar dan pendedahan yang baik saya pasti lakonan mereka boleh pergi lebih jauh lagi di samping fokus pada kejayaan akademik," katanya.

Sebelum pementasan ini dianjurkan, kelab PENTAS mengadakan sesi uji bakat lakonan dan pencarian kru di bazar persatuan sempena Minggu Perkasa Putra.

Hampir 200 penuntut baharu UPM yang mendaftar dan membuktikan seni teater masih mendapat tempat di hati kebanyakan belia masa kini.



AHLI kelab PENTAS bergambar kenangan selepas teater.